

FAQ: TAKLIMAT PENILAIAN PRESTASI STAF PPP (LNPT) TAHUN 2024
3 DISEMBER 2024
(berdasarkan soalan di ruangan chat)

BIL	ID	SOALAN	JAWAPAN
1.	Idayu	Jika cuti tanpa gaji dari Nov 2023 hingga 30 Jun 2024, perlu isi tak LNPT?	Penilaian tahun 2024 tertakluk kepada staf yang berkhidmat 6 bulan ke atas. Dalam kes ini, staf telah berkhidmat selama 6 bulan pada tahun 2024. Oleh itu, pengisian LNPT boleh dilakukan.
	Ruzanna	Untuk staf yang yang lapor diri 1 Julai 2024, cukup cukup 6 bulan, guna LNPT atau LNPK?	
2.	Fadillah	Kalau tempoh berkhidmat di PTJ baru tidak sampai 6 bulan, adakah penilaian dari PTJ lama sahaja? Contoh, diarah berpindah bulan 8, tidak cukup 6 bulan di PTJ baru.	Penilaian perlu dibuat oleh PPP yang mempunyai tempoh penyeliaan paling lama pada tahun tersebut. Dalam kes ini, penilaian hendaklah dilakukan oleh PTJ lama. Namun demikian, dua set penilaian boleh disediakan sekiranya PTJ baharu ingin membuat penilaian. Perbincangan antara PPP lama dan PPP terkini juga digalakkan.
	Arfina Ariffin	Staf berpindah pada September dan mendapat tugas pada Oktober, cukupkah penilaian tersebut dibuat?	
	Husna	Bagaimana jika staf bertukar jabatan, 9 bulan di PTJ lama dan 3 bulan di PTJ baharu? Adakah markah penilaian hanya dikira sehingga 9 bulan di PTJ lama? Pencapaian di PTJ baharu tidak akan dinilai oleh pegawai di PTJ lama.	
3.	Jannah	Staf dahulu Pembantu Operasi N11. Pada 27 Nov 2024, staf dilantik ke Pembantu Tadbir N19 (Tetap). Staf masih perlu buat LNPT Pembantu Operasi di PTJ lama atau terus buat LNPK sahaja di PTJ baharu?	Staf adalah staf N11 (lantikan tetap) yang dilantik ke jawatan baharu. Oleh itu, staf perlu mengisi LNPT sebagai Pembantu Operasi di PTJ lama, memandangkan staf berkhidmat lebih lama dalam jawatan terdahulu pada tahun 2024. Pengisian LNPT ini diteruskan kerana staf adalah lantikan dalaman (tetap ke tetap). Walau bagaimanapun, diingatkan bahawa markah yang akan digunakan/dibawa untuk
	Ruzanna	Staf bertukar jawatan dari N11 ke N19 pada 25 November 2024, di PTJ yang sama. Maka perlu LNPT atau LNPK?	

			pengesahan jawatan adalah markah bagi jawatan baharu.
4.	Arfina Ariffin	Jika staf baharu berpindah di hujung tahun dan bertukar bidang dari PTJ lama ke PTJ baharu bagaimana kah penilaian di buat?	Tempoh perkhidmatan staf di PTJ baharu dan lama perlu diambil kira. Sekiranya tempoh perkhidmatan di PTJ lama lebih panjang dalam tahun 2024, penilaian berkaitan bidang tersebut hendaklah dilakukan oleh PTJ lama.
5.	NHN	<p>Penilaian bawah 70% tu semua sebelum <i>exit policy</i>, JPA/UTM buat siasatan tak? sbb kluatir penilaian yang dibuat atas sebab tertentu.</p> <p>Diharapkan agar PPP/PPK membuat penilaian tidak berdasarkan emosi/<i>personal attack</i> dan sebagainya. Kalau penilaian di bawah 70%, siasatan perlu dilakukan agar PYD boleh membela diri.</p>	<p>Sebelum markah staf disahkan oleh pihak jabatan/fakulti/universiti, PYD telah diberi tempoh untuk membuat semakan dan mengemukakan rayuan pindaan markah sekiranya tidak berpuas hati dengan markah yang diberikan oleh pegawai penilai. Bagi penilaian prestasi tahun 2024, tempoh semakan dan rayuan pindaan markah adalah pada 16 hingga 22 Februari 2025.</p> <p>Sebelum seseorang staf dimasukkan ke dalam tempoh pemerhatian di bawah Dasar Pemisah, jawatankuasa siasatan akan ditubuhkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada individu yang bukan pegawai penilai staf yang terlibat. Sekiranya hasil siasatan mendapati markah staf tersebut tidak sesuai, pihak universiti berhak untuk meminda markah berkenaan.</p>
6.	Arfina Ariffin	Bolehkah penilaian rendah dibuat hanya kerana staf masih baharu di PTJ ini dan belum pakar dalam tugas tersebut? Siapa yang membuat keputusan untuk menukar staf jika alasan seperti itu diberikan? Siapakah yang bersalah dalam drama ini?	Tiada sebarang masalah atau isu sepatutnya timbul akibat pertukaran yang berlaku, kerana pegawai penilai lama dan baharu boleh berbincang untuk menentukan markah prestasi staf yang bersesuaian.
7.	Maz	<p>Adakah <i>attachment</i> di LNPT mempengaruhi markah KAI/SKT kita?</p> <p>Adakah <i>attachment</i> berdasarkan kerja harian perlu di letak pada LNPT dan ia</p>	<i>Attachment</i> membantu pegawai penilai untuk melihat dan mengesahkan bukti kerja-kerja yang diisi dalam KAI/SKT berkaitan. Ia boleh mempengaruhi penilaian kerana pegawai penilai

		akan mempengaruhi markah SKT staf ataupun tidak? Attachment di KAI yg dimaksudkan	akan merujuk kepada bukti pencapaian yang telah disediakan.
8.	Faezah Zee	Adakah terdapat contoh lampiran KAI yang boleh dijadikan panduan?	Tiada sebarang panduan disediakan kerana ia bergantung kepada kesesuaian skop kerja PYD.
9.	Norliza Abd Rahim	Berdasarkan semakan di LNPT, butang tambah rekod untuk bahagian bonus di komponen anugerah dan pengiktirafan yang dimansuhkan masih boleh diakses dan belum ditutup.	Kemaskini 10/12/2024: Tab komponen Bonus bagi tahun 2024 telah ditutup. Staf masih boleh melihat komponen Bonus yang pernah diisi bagi tahun-tahun sebelumnya.
10.	Nor Aimie Adzwan	Saya cuba untuk buka tab Aktiviti Rasmi, tapi tiada paparan setelah rekod ditambah. Macam mana ya?	Kemaskini 10/12/2024: Isu berkaitan paparan di Aktiviti Rasmi telah diselesaikan, dan staf kini boleh mengisi aktiviti di bahagian tersebut.
	Faezzatul Hamiesyah	Saya cuba tambah rekod pada bahagian Aktiviti Rasmi, dah lengkap semua bahagian dan <i>attachment</i> , tapi selepas klik <i>button save</i> , rekod tidak berjaya disimpan dan paparan kosong.	
11.	Ema Razrina	Bagaimana jika lupa nak isi KAI?	LNPT tidak dapat dihantar kerana sistem tidak membenarkan sekiranya wajaran KAI tidak mencukupi.
12.	NMR	Sistem masih benarkan sekiranya staf nak mengisi maklumat KAI?	Pengisian dan pengemaskinian pencapaian KAI boleh dibuat mulai 1 hingga 30 Disember 2024.
13.	SNM	Jika CPD tidak lengkap 42, adakah masih diberi markah atau terus tiada markah?	42 markah = 5% (markah penuh). jika kurang dari 42, markah akan berkurangan dari 5% tersebut.
14.	Saadiyah	Untuk cuti bersalin, berapa markah CPD yang dikira? Adakah perlu cukup 42 juga?	Markah yang dikira bagi staf yang bercuti (cuti bersalin, cuti tanpa gaji, cuti separuh gaji dll) akan dipro-rata mengikut bulan bekerja pada tahun tersebut. Pengiraan markah ini akan dilakukan oleh

			pihak CTLD dengan kerjasama PSM PTJ.
15.	Raja Fariz	Tahun ini tiada markah bonus? Adakah markah Anugerah dan Penerbitan tidak lagi akan diambil kira?	Bonus mula dimansuhkan untuk staf PPP bermula tahun 2024. Hanya 2 elemen dalam bonus yang dipindahkan ke dalam modul Kegiatan & Sumbangan iaitu: 1) Perundingan & Penyelidikan 2) Penulisan & Penerbitan
16.	Raja Fariz	Jika markah bonus dimansuhkan, adakah markah keseluruhan masih boleh mencapai 100% walaupun markah bonus 5% tidak lagi termasuk dalam pemarkahan?	Markah bonus merupakan markah limpahan dan pemansuhannya tidak memberikan sebarang implikasi terhadap pencapaian 100% markah LNPT.
17.	Mohairin UTM Pagoh	Berapakah jumlah minimum inisiatif KAI yang perlu diisi? Sekiranya perbincangan telah dibuat antara PPP dengan PYD dan bersetuju hanya 2 atau 3 sahaja inisiatif KAI, adakah dibenarkan?	Tiada masalah selagi ia memenuhi nilai wajaran KAI (KAI Wajib 80, KAI Pilihan 20).
18.	Siti Mariyam UTMD	Adakah markah staf kontrak yang hendak disambung lantikan kontrak tidak boleh melebihi 85%?	Markah staf kontrak yang hendak disambung mestilah melebihi 85%.
19.	Fairus	PPP saya sedang bercuti sakit sejak April 2024 sehingga kini, dan tarikh beliau akan mula bertugas semula masih belum pasti. Adakah saya perlu memilih PPP baharu?	PPP cuti sakit selama 8 bulan pada tahun penilaian. Oleh itu, PYD hendaklah diselia oleh PPK atau pegawai lain yang mempunyai hubungan kerja langsung atau menyelia PYD sepanjang pegawai tersebut cuti sakit.
20.	Hidayah Muhammad	Saya adalah staf yang dimobilisasikan ke dua PTJ (fakulti dan pusat penyelidikan) berkuat kuasa selama 1 tahun. Pada masa ini, saya mempunyai dua orang penilai (PPP dan PPK) di PTJ A dan dua orang penilai di PTJ B. Apakah peratusan pembahagian markah LNPT untuk kedua-dua PTJ ini?	Pembahagian markah sedia ada bagi PYD yang mempunyai dua set pegawai penilai adalah sama rata (50% dan 50%). Untuk makluman, urus setia telah menambah baik sistem penilaian prestasi, di mana dua set pegawai penilai boleh ditetapkan dengan peratusan wajaran mengikut skop kerja PYD di setiap PTJ. Walau bagaimanapun, penetapan wajaran

		Adakah ia 50% untuk PTJ A dan 50% untuk PTJ B?	ini perlu dibincangkan dan dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat (PPP dan PPK di PTJ A serta PTJ B), termasuk PSM. Peratusan pembahagian ini akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2025.
21.	Rasyid Stylo	Slide boleh <i>share</i> ke?	Slide dan rakaman Webex telah dikongsikan di pautan https://registrar.utm.my/bsm/gp-penambahbaikan-elnpt/
	Syafiq Palal	Boleh saya dapatkan slide bagi tujuan pemahaman dan rujukan?	
	Yanti	Adakah rakaman Webex turut dikongsikan selain slide?	
22.	Rozlinda MJIT	Bagaimana bagi PYD yang tersilap atau yang belum memilih PPR?	Bagi staf yang mempunyai masalah berkaitan PPR, KAI dll, permohonan ini boleh diemelkan ke elnpt@utm.my .
	Ruzanna	Staf yang silap pilih PPR dan tak cukup 5 orang untuk penilaian PPR adakah masih boleh betulkan PPR atau tidak?	
	Ema Razrina	Bagaimana nak hubungi pihak urus setia bagi masalah seperti tidak mengisi KAI?	